Ong Eng Hin lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO 41SH-70–10 TAHUN 2011
ABDUL KARIM PK
7 OKTOBER 2010

B

Kemalangan Jalanraya — Kecuaian — Kemalangan maut — Perayu disabitkan dan dihukum kerana memandu secara cuai dan berbahaya di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 — Rayuan terhadap keputusan majistret — Dua versi yang bertentangan mengenai punca kemalangan — Sama ada terdapat salah arah, perundangan dan fakta, untuk mewajarkan campur tangan rayuan

C

D

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalanraya — Memandu secara berbahaya — Menyebabkan kematian dengan memandu secara berbahaya — Perayu disabitkan dan dihukum kerana memandu secara cuai dan merbahaya di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Dua versi yang bertentangan mengenai punca kemalangan — Sama ada terdapat salah arah, perundangan dan fakta, untuk mewajarkan campur tangan rayuan

E

F

Pada 5 Mac 2010 telah berlaku satu kemalangan maut antara sebuah kenderaan motorvan yang dipandu oleh perayu dengan sebuah motosikal yang ditunggang oleh Muhammad Edeyka ('si mati') di Jalan Klebang Kecil Melaka. Si mati telah meninggal dunia akibat keederaan parah yang dialami daripada kemalangan tersebut. Setelah perbicaraan penuh dijalankan, dua versi berkenaan dengan bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku ditimbulkan. Pihak pendakwaan mendakwa bahawa motosikal si mati telah dilanggar dari arah hadapan oleh motorvan yang dipandu oleh perayu yang dikatakan sedang memotong kereta di jalan yang bertentangan. Perayu pula mendakwa bahawa dia telah melihat dua buah motosikal dari arah jalan bertentangan sedang memotong kereta di hadapan mereka dan sebuah daripada motosikal itu telah terlanggar bahagian kanan motorvannya. Perayu telah didakwa bagi satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 ('s 41(1)'). Perayu telah dijatuhi hukuman penjara selama dua tahun, denda RM8,000 dan penggantungan lesen memandunya selama tiga tahun oleh mahkamah majistret. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut.

G

H

I

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Jika terdapat dua versi kepada satu kejadian, pandangan dan penemuan

hakim bicara harus diberi pengiktirafan kecuali dapat ditunjukkan dengan jelas kesalahan atau salah arah undang-undang yang telah dilakukan. Majistret yang bijaksana tidak melakukan apa-apa salah arah, perundangan dan fakta, untuk mewajarkan campur tangan mahkamah ini (lihat perengan 5) *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101 dirujuk; *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363 dirujuk.

(2) Majistret telah dengan betul memutuskan pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie ke atas perayu dan di akhir kes pihak perayu telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan (lihat perengan 8).

(3) Majistret telah mengambil pendekatan yang betul dalam menilai keterangan yang dikemukakan dan keputusan yang dibuat bagi kesalahan di bawah s 41(1). Ujian yang digunakan ialah secara objektif (lihat perengan 8).

(4) Terdapat cukup keterangan yang menunjukkan perayu menyedari risiko daripada perlakuannya dan dengan kesedaran itu masih meneruskan cara pemanduan tanpa menghiraukan kesan dan akibatnya. Keterangan menunjukkan perayu telah amat biasa dengan jalan berkenaan termasuk ciri-ciri garisan berkembar, keadaan lalu lintas, keadaan jalan yang lurus dan cuaca yang kering. Daripada kesan dan akibat yang dahsyat dapat disimpulkan perayu telah mengadakan atau mencipta keadaan risiko yang tinggi kepada pengguna jalan raya. Perayu semestinya membawa kenderaan dengan laju, walaupun bukan faktor penentu namun masih merupakan faktor penting untuk dipertimbangkan, dan sudah semestinya mengetahui bahawa dengan tindakan itu dia akan menyebabkan seseorang akan maut akibat daripada tindakan melulunya itu. Faktor-faktor tersebut dengan jelas dan betul telah diambil kira oleh majistret sepertimana dipertunjukkan dalam keputusannya (lihat perengan 9).

(5) Majistret telah tidak terkhilaf atau tersalah arah dirinya berkenaan dengan isu dan penentuan yang harus dibuatnya. Hukuman yang diperintahkan oleh majistret berpatutan dan tidak bercanggah dengan prinsip penghukuman dan undang-undang yang berkaitan (lihat perengan 10).

[English summary

On 5 March 2010, a fatal accident occurred between a motorvan driven by the appellant and a motorcycle rode by one Muhammad Edeyka ('the deceased') at Jalan Klebang Kecil, Melaka. The deceased died as a result of the injuries sustained from the accident. After a full trial, two versions as to how the accident occurred were raised. The prosecution averred that the deceased's motorcycle was hit from the front by the motorvan driven by the appellant who

was said to have overtaken the car from the opposite direction. On the other hand, the appellant claimed that he had witnessed two motorcycles coming from the opposite direction overtaking the cars in front of them and one of the motorcycles had hit the right side of his motorvan. The appellant was charged with an offence and was punishable under s 41(1) of the Road Transport Act (Amendment) 1999 ('s 41(1)'). The appellant was sentenced to imprisonment of two years, a fine of RM8,000 and suspension of his driving license for two years by the magistrate's court. The appellant appealed against the said decision.

Held, dismissing the appeal:

(1) If there were two versions to a tragedy, the views and findings of the trial judge must be given acknowledgment unless it could be clearly proven that an offence or legal misdirection had occurred. The magistrate did not commit any legal or factual misdirection, to warrant an appellate intervention; (see para 5) *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101 referred; *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363 referred.

(2) The magistrate had correctly decided that the prosecution had succeeded in establishing a prima facie case against the appellant and at the end of the case, the appellant failed to raise any reasonable doubts against the prosecution's case (see para 8).

(3) The magistrate had taken the correct approach in assessing the evidence adduced and the finding made for the offence under s 41(1). The test applied was objective (see para 8).

(4) There was sufficient evidence to show that the appellant was aware of the action and with such awareness, still continued with his driving way without taking heed of the effects and consequences. Evidence showed that appellant was used to the road including the double line, the condition of the traffic, the condition of the straight road and dry weather. Based on the effects and catastrophic consequences, it could be concluded that the appellant had made up or created a high risk to the road users. The appellant must have driven at a high speed, even though the determining factor was still an important factor to be considered and surely, knowing that with such action, he would cause death to someone as a consequence to his rash behaviour. The said factors were clearly and correctly taken into consideration by the magistrate as illustrated in his judgment (see para 9).

(5) The magistrate did not err or misdirected himself on the issue and determination which were to be made. The sentence meted out by the magistrate was also reasonable and not inconsistent with the principles of sentencing and related laws (see para 10).]

Notes

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 1601–1900.

Untuk kes-kes mengenai kemalangan maut, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 458–472.

Kes-kes yang dirujuk

Goh Kheng Seong v PP [1993] 1 MLJ 103, MT (dirujuk)

Gunasegaran a/l Singaravelu v PP [2009] 1 MLJ 761; [2009] 7 CLJ 631, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan [2014] 1 MLJ 363, MR (dirujuk)

Poleon ak Ajan v PP [2010] 6 MLJ 136, MT (dirujuk)

PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101, MP (dirujuk)

PP v Low Yong Ping [1961] 1 MLJ 306 (dirujuk)

PP v Zulkifli bin Omar [1998] 6 MLJ 65, MT (dirujuk)

R v G and another [2003] 4 All ER 765, HL (dirujuk)

Ramiah v PP [1972] 2 MLJ 258 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 s 41(1)

Haslinda bt Abu Bakar (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.

Ng Aik Beng (AB Ng & Associates) bagi pihak peguambela.

Nahtan Rengganathan bin Abdullah (AB Ng & Associates) bagi pihak peguambela.

Abdul Karim PK:

[1] Perayu telah merayu ke atas keputusan majistret yang telah mensabit dan menjatuhkan hukuman ke atasnya, setelah perbicaraan penuh, bagi kesalahan seperti dalam pertuduhan yang berikut:

> Bahawa kamu pada 5 Mac 2010 jam lebih kurang 10.45 malam di JALAN KLEBANG KECIL di dalam Daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka sebagai pemandu M/VAN MBF 9818 telah memandu kenderaan tersebut di atas jalan raya dengan keadaan yang melulu sehingga menyebabkan kematian kepada MUHAMMAD EDEYKA BIN TUKIMAN KP: 890320–04–5025 umur 21 tahun. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999

Perayu telah dijatuhi hukuman penjara selama dua tahun, denda RM8,000 dan penggantungan lesen memandunya selama tiga tahun. Rayuan perayu telah dibicarakan dan setelah mempertimbangkan keterangan dan

penghujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah pada 12 Mac 2013 menolak rayuannya. Kini perayu merayu ke Mahkamah Rayuan ke atas keputusan tersebut.

[2] Secara ringkas, pada lebih kurang pukul 10.45 malam 5 Mac 2010 telah berlaku satu kemalangan maut antara sebuah kenderaan motorvan yang dipandu oleh perayu dengan sebuah motosikal yang ditunggang oleh Muhammad Edeyka bin Tukiman, si mati, di Jalan Klebang Kecil Melaka. Si mati telah meninggal dunia akibat keeederaan parah yang dialami daripada kemalangan tersebut, Setelah perbicaraan penuh dijalankan, dua versi berkenaan dengan bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku ditimbulkan.

[3] Pihak pendakwaan secara ringkas mendakwa bahawa pada malam dan waktu yang malang itu si mati sedang menunggang motosikalnya bernombor pendaftaran MAB 4729 menghala ke arah Bandar Melaka apabila dia dilanggar dari arah hadapan oleh motorvan yang dipandu oleh perayu yang dikatakan sedang memotong kereta di jalan yang bertentangan. Akibat daripada pelanggaran itu motorvan perayu telah terbabas ke jalan seberang, melanggar papan tanda Tadika Kelebang Ria, melanggar tembok batu di tebing jalan, menjangkaui tebing itu dan terus merempuh tembok sebuah Tadika Klebang Ria. Si mati kemudiannya meninggal dunia di hospital akibat kecederaan daripada kemalangan itu.

[4] Perayu pula mendakwa bahawa pada malam dan waktu berkenaan dia dalam perjalanan pulang dari arah Melaka ke arah lampu isyarat pokok mangga. Dalam pemanduan motorvannya, iaitu dalam kelajuan 70–80 km/sj, dia melihat dua buah motosikal dari arah jalan bertentangan sedang memotong kereta di hadapan mereka. Sebuah daripada motosikal itu, iaitu motosikal kedua, telah terlanggar bahagian kanan motorvannya. Akibat daripada pelanggaran itu perayu telah hilang kawalan lalu terbabas dan melanggar tempat-tempat yang disebut di atas.

[5] Setelah dihalusi keterangan dalam rekod rayuan, alasan-alasan rayuan (16 alasan dan sub alasan) dan penghujahan kedua-dua pihak, saya bersetuju dengan keputusan puan majistret yang bijaksana. puan majistret telah membuat penilaian dan penemuan yang betul bukan sahaja di akhir kes pendakwaan, selaras dengan prinsip, prima facie, yang kini sudah mantap, tetapi juga setelah menimbangkan secara keseluruhan kesemua keterangan di akhir perbicaraan. Di akhir kes perbicaraan tersebut beliau telah mempertimbangkan kes pembelaan dan telah juga menilai semula keterangan kes pendakwaan untuk menentukan sama ada perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Beliau telah mempercayai keterangan saksi-saksi pendakwaan daripada keterangan saksi pembelaan. Tidak dinafikan penemuan yang dibuat merupakan penemuan

fakta, iaitu setelah melihat kredibiliti saksi-saksi, dan mahkamah rayuan seharusnya agak perlahan untuk mengganggu keputusan sedemikian. Tidak juga dapat disangkal bahawa jika terdapat dua versi kepada satu kejadian, pandangan dan penemuan hakim bicara harus diberi pengiktirafan kecuali dapat ditunjukkan dengan jelas kesalahan atau salah arah undang-undang yang telah dilakukan. Saya berpendapat puan majistret yang bijaksana tidak melakukan apa-apa salah arah, perundangan dan fakta, untuk mewajarkan campur tangan mahkamah ini (lihat *Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101; *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363, Rayuan Jenayah No W-09–274–12/2011).

[6] Peguam perayu yang terpelajar telah mengemukakan isu bahawa puan majistret telah terkhilaf apabila telah menggabungkan dua kategori kesalahan di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Saya berpendapat hujahan ini jauh meleset kerana pertuduhan di sini dengan jelas atas dasar … *telah memandu kenderaan tersebut di atas jalan raya dengan keadaan yang melulu sehingga menyebabkan kematian* … dan bukan memandu secara berbahaya. Kedudukan pertuduhan dalam kes ini amat berbeza dengan kes yang dirujuk sebagai sandaran hujah iaitu *Poleon ak Ajan v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 136 yang mana sememangnya terdapat penggabungan dua kategori dalam satu pertuduhan yang dihadapkan ke atas tertuduh di situ.

[7] Dalam hal ini harus dibezakan antara kandungan pertuduhan dengan alasan dalam memberi keputusan. Terdapat beberapa pendekatan dalam memberi alasan keputusan. Sesuatu penghujahan atau alasan boleh menggunakan pendekatan contohnya logikal, lateral dan sebagainya. Di sini majistret yang bijaksana telah merujuk kepada kes-kes yang melibatkan pemanduan melulu yang melibatkan juga faktor pemanduan secara berbahaya. Setelah merujuk kepada kes-kes *Public Prosecutor v Low Yong Ping* [1961] 1 MLJ 306, *Ramiah v Public Prosecutor* [1972] 2 MLJ 258, *Public Prosecutor v Zulkifli bin Omar* [1998] 6 MLJ 65 dan *Goh Kheng Seong v Public Prosecutor* [1993] 1 MLJ 103, sama ada sebagai nas sokongan untuk pencarian prinsip am atau kursus, puan majistret yang bijaksana telah membuat kesimpulan berikut (ms 26, rekod rayuan):

> Berdasarkan alasan-alasan di atas dan otoriti-otoriti yang dirujuk mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes yang melampaui keraguan yang munasabah. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh *telah memandu dengan melulu* iaitu dengan memotong kenderaan-kenderaan di hadapannya meskipun beliau berada di garisan berkembar… (Penekanan diberi.)

Sebelum itu, puan majistret juga telah membuat penemuan seperti yang berikut:

A … menunjukkan bahawa kenderaan yang dipandu oleh tertuduh adalah dalam keadaan *dipandu laju dan melulu* … (ms 22, rekod rayuan);

… mahkamah berpendapat bahawa tertuduh di dalam kemalangan ini telah memandu dalam *keadaan melulu* … (ms 23, rekod rayuan) (Penekanan diberi.).

B Kesemua penemuan ini selaras dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu dan tiada isu penggabungan langsung wujud. Dalam keadaan ini puan majistret telah tidak tersalah arah dirinya mengenai isu yang perlu diputuskan atau salah dari segi undang-undang dalam keputusannya bagi isu ini.

C

[8] Seperti diperkatakan di atas, puan majistret adalah betul apabila memutuskan pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes, prima facie, ke atas perayu dan di akhir kes pihak perayu telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan. Saya berpendapat puan majistret telah mengambil pendekatan yang betul dalam menilai keterangan yang D dikemukakan dan keputusan yang dibuat bagi kesalahan di bawah s 41(1) APJ 1987. Daripada nas-nas kes yang dirujuk, ujian yang digunakan ialah secara objektif. Dalam kes *Ramiah v Public Prosecutor*, dinyatakan:

E It is not the law under s 34A of the Road Traffic Ordinance that merely because an accident had happened and a person had been killed, danger had in that sense arisen and therefore it must follow, as the night, the day, that the appellant was driving in a manner dangerous to the public. In a case under s 34A, two things must be established. First, there must be a situation created by the accused which, *viewed objectively*, is dangerous Dangerous driving is not defined in the Road Traffic Ordinance and it is up to the Court to come to a decision on the evidence. Reported cases can only serve as illustrations For instance as illustrated in *Public Prosecutor v Cheong Kam* [1946] 1 MLJ 12; [1941] 1 LNS 53 to overtake a cyclist who is far from steady at the moment when a heavy lorry is approaching from the opposite direction is to take an unjustifiable risk and constitutes dangerous driving. In *Public Prosecutor* F *v Low Yong Ping* [1961] 1 MLJ 306; [1961] 1 LNS 91 driving into the path of an oncoming traffic is dangerous driving. Recently in *Lau Lim Peng v Public Prosecutor* G [1968] 2 MLJ 14; [1968] 1 LNS 63 where a lorry approaching a dangerous bend at a speed far in excess of the speed limit and in order to avoid the vehicle from overturning knocked into the front of another vehicle it was held it was dangerous driving. In the present case turning right into the side road without stopping to give H way to through traffic is dangerous driving.

Secondly, the prosecution must prove that when creating such a situation the appellant must be at fault. 'Fault involves a failure; a failing below the care and skill of a competent and experienced driver, in relation to the manner of driving and to the relevant circumstances' A competent and careful driver would have stopped at I this junction before turning into the side road. This is because s 18 of the Highway Code says that when turning left or right, drivers must always give way to through traffic, including pedestrians Now, s 59(4) of the Road Traffic Ordinance provides that any Court may take into consideration any failure to observe the provisions of the Highway Code. To sum it all, the accused was at fault in creating that dangerous

A situation. I think the principle of what I have said here is set out fully in *R v Gosney* [1971] 3 All ER 220 (Penekanan diberi.).

Dalam kes *Gunasegaran a/l Singaravelu v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 761; [2009] 7 CLJ 631, diputuskan:

B In dealing with such a case, the whole situation leading to the accident must *be viewed objectively* to determine whether it can be considered reckless or dangerous driving. In *R v Gosney* [1971] 3 All ER 220 Megaw LJ remarked as follows:

In order to justify a conviction there must not only have been a situation which, C viewed objectively, was dangerous, but also some fault on the part of the driver, causing that situation (see p 224 c, post); … (Penekanan diberi.)

Dan, apa yang dimaksudkan dengan 'melulu' dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Zulkifli bin Omar* [1998] MLJ 65, ms 71–72 begini:

D As parliament has not spelt of the meaning of 'driving dangerously' or 'driving recklessly' it is left to the courts to do so. *To be guilty of the more serious category of the offence of reckless driving the driver (defendant) must have created an obvious and serious risk of injury to the person or damage to property and must either have given no thought* E *to the possibility of that obvious risk, or have seen the risk and nevertheless decided to run it.*

It is not in every case where the defendant is in fact driving dangerously that he should be held to be driving recklessly, although in most cases the two will coincide. The definition of the word 'driving recklessly' in Lord Diplock speech in *R v* F *Lawrence* [1981] 1 All ER 974 at p 982; [1982] AC 510 pp 26–527 and extensively discussed with approval by the five Law Lords in the recent English House of Lords decision in *R v Reid* [1992] 3 All ER 673, albeit, redefined and recrafted in less controversial but more focused language, by Lord Goof of Chieveley — a member of the board — which I think it useful that I should set out there (at p 693):

G On this approach, enlivened by examples, it is, I believe, relatively easy to understand Lord Diplock's encapsulation of the law in this specimen direction, which is to the effect that a jury should only convict a defendant of driving recklessly if they are sure of the following: (i) that he was in fact driving in such a manner as to create a serious risk of causing physical injury to some other person who might H happen to be using the road, or doing substantial damage to property; and (ii) either (a) that he recognised that there was some risk of that kind involved, but nevertheless went on to take it; or (b) that, despite he was driving in such a manner, he did not even address his mind to the possibility of there being any such risk, and the risk was in fact obvious See also *R v Boswell* and other appeals

I In an offence under s 41(1), excessive speed is not the sole decider of reckless driving but *there must also be a finding on the manner and other aspects of the defendant's driving which constituted recklessness, by having regard to the prevailing circumstances at the material time of accident, including the nature, condition, and size of the road, and the amount of traffic which is or might be expected on the road. The risk created by*

the manner in which the vehicle is driven must be both obvious and serious, and the court has to be satisfied that the essential or core ingredients of recklessness have been proved beyond reasonable doubt. (Penekanan diberi.)

[9] Berdasarkan keputusan di atas, puan majistret telah membuat penemuan secara objektif berkenaan dengan penciptaan keadaan risiko kecederaan kepada seseorang yang nyata termasuk cara dan aspek pemanduan perayu serta keadaan sekeliling yang berkaitan. Dalam kes ini, terdapat cukup keterangan yang menunjukkan perayu menyedari risiko daripada perlakuannya dan dengan kesedaran itu masih meneruskan cara pemanduan tanpa menghiraukan kesan dan akibatnya. Keterangan menunjukkan perayu telah amat biasa dengan jalan berkenaan termasuk ciri-ciri garisan berkembar, keadaan lalu lintas, keadaan jalan yang lurus dan cuaca yang kering. Daripada kesan dan akibat yang dahsyat dapat disimpulkan perayu telah mengadakan atau mencipta keadaan risiko yang tinggi kepada pengguna jalan raya. perayu semestinya membawa kenderaan dengan laju, walaupun bukan faktor penentu namun masih merupakan faktor penting untuk dipertimbangkan, dan sudah semestinya mengetahui bahawa dengan tindakan itu dia akan menyebabkan seseorang akan maut akibat daripada tindakan melulunya itu. Faktor-faktor tersebut dengan jelas dan betul telah diambil kira oleh puan majistret sepertimana dipertunjukkan dalam keputusannya iaitu, antara lain:

2 SP5 yang merupakan saksi tunggal di tempat kejadian mengesahkan kejadian yang berlaku. Mahkamah berpendapat meskipun SP5 menjawab tidak pasti terhadap soalan yang dikemukakan oleh Peguambela namun soalan-soalan tersebut adalah tidak material. Keterangan SP5 di Mahkamah juga dilihat dan didapati konsisten dengan laporan polis yang dibuatnya iaitu P8. Mahkamah ini mendapati bahagian yang paling material di dalam P8 adalah 'tiba-tiba sebuah M/van MBF 9818 yang datang dari arah bertentangan telah memotong deretan 3 buah motokar tersebut dan telah masuk ke laluan saya lalu terlanggar motosikal yang berada di hadapan saya. Motosikal tersebut telah tercampak ke tepi jalan di sebelah kiri saya dan terlanggar tembok'. M/van yang dipandu tertuduh juga telah berada di laluan bertentangan di tepi jalan melepasi longkang dan melanggar tembok sekolah tadika. Mahkamah mendapati laporan yang dibuat oleh SP5 adalah konsisten dengan kejadian yang berlaku. Di dalam keadaan ini, Mahkamah mendapati tertuduh telah memandu M/van MBF 9818 dengan keadaan yang laju, masuk ke laluan bertentangan di mana yang dipisahkan dengan garisan berkembar bagi memotong kenderaan di hadapannya tetapi telah melanggar mangsa dan tertuduh telah terbabas ke tepi jalan yang bertentangan.

3 Berdasarkan P3 A-S dan rajah kasar dan juga keterangan oleh SP6, tiada kesan brek ditemui di tempat kejadian. Mahkamah dengan ini membuat andaian bahawa M/van yang dipandu oleh tertuduh dalam keadaan laju dan tiada cubaan dari tertuduh untuk cuba berhenti atau memperlahankan kenderaannya bagi menggelakkan kemalangan. Posisi M/van tertuduh yang berada jauh dari tempat motosikal dan tembok yang pecah menunjukkan kenderaan tertuduh dipandu laju. Mahkamah berpendapat sekiranya M/van yang dipandu oleh tertuduh dalam keadaan biasa atau perlahan, M/van tertuduh akan tersangkut di longkang dan

A bukannya melangkaui longkang dan melanggar tembok tadika. Oleh itu Mahkamah mendapati tertuduh telah memandu dengan melulu dan berbahaya kepada orang awam. (ms 18–20, rekod rayuan)

B Setelah mendengar kes pembelaan, Puan majistret membuat penemuan berikut:

C 3 Berdasarkan keterangan SP5, SP6, P3 A-S, P4 dan P4k, Mahkamah lebih mempercayai versi pihak pendakwaan. Tembok sekolah tadika yang pecah teruk seperti di gambar P3 N, O, P, Dan Q, kemampuan M/van MBF 9818 melepasi longkang sebesar 1 meter (seperti keterangan oleh tertuduh dalam D13) menunjukkan bahawa kenderaan yang dipandu oleh tertuduh adalah dalam keadaan dipandu laju dan melulu. Ini adalah konsisten dengan versi pihak pendakwaan bahawa tertuduh ketika itu memotong kenderaan di hadapannya, namun telah terlanggar si mati. Adalah menjadi kebiasaan kenderaan yang memotong akan memecut laju. Mahkamah berpendapat adalah mustahil untuk tertuduh hilang kawalan hanya disebabkan terdengar bunyi yang kuat dan sekiranya benar versi tertuduh bahawa beliau memandu dengan kelajuan 60–70 km/j dan sekiranya terbabas, pasti kenderaannya akan tersangkut di longkang dan tidak akan melanggar tembok sekolah tadika.

E 4 Di dalam keadaan ini Mahkamah percaya bahawa tertuduh pada ketika itu telah memotong kenderaan di hadapannya dan telah melanggar motosikal si mati dan tertuduh telah gagal mengawal kenderaannya dan terbabas sehingga melanggar tembok sekolah tadika. Mahkamah mengambil perhatian seperti di P4 bahawa jalan tersebut adalah garisan berkembar dan tidak boleh memotong. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa tertuduh di dalam kemalangan ini telah memandu dalam keadaan melulu dengan memotong kenderaan di jalan yang tidak dibenarkan memotong lalu telah mengakibatkan kemalangan yang telah menyebabkan kematian.

G Saya bersetuju dengan keputusan puan majistret dan agak keterlaluan untuk mengatakan keputusan sedemikian tidak terjumlah kepada satu *speaking* judgment.

[10] Secara keseluruhan, saya berpendapat puan majistret telah tidak H terkhilaf atau tersalah arah dirinya berkenaan dengan isu dan penentuan yang hams dibuatnya. Tidak seperti perkembangan di United Kingdom berkenaan dengan kesalahan atau isu seperti ini, kita di sini masih lagi mengekalkan bentuk kesalahan seperti di s 41(1) APJ 1985 yang mana setakat ini ujian yang masih diguna pakai masih lagi ujian objektif. Daripada sudut itu ujian secara I subjektif atau hybrid tidak menjadi isu di sini (lihat amnya keputusan *R v G and another* [2003] 4 All ER 765). Selaras dengan itu juga, saya berpandangan hukuman yang diperintahkan oleh puan majistret yang bijaksana berpatutan

dan tidak salah dari segi prinsip penghukuman dan undang-undang yang berkaitan. Dengan itu, keputusan tersebut dikekalkan dan rayuan ini ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum